

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI  
(KUALA NERUS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.03.2018**

**Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan paras harga petrol dan diesel yang dianggap membebankan pengguna dan menjelaskan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengurangkan impak kenaikan harga bahan api itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan harga runcit petrol dan diesel dilaksanakan dengan mengambil kira antara lain harga pasaran minyak mentah dunia dan kadar tukaran wang asing berbanding Ringgit Malaysia. Mekanisme penetapan adalah secara mingguan di mana purata perubahan kos produk petroleum minggu sebelumnya akan menentukan harga bagi

minggu berikutnya.

Secara amnya, pada masa ini paras harga jualan runcit petrol dan diesel adalah dianggap tidak membebankan pengguna berdasarkan perbandingan harga runcit petrol di negara ASEAN pada 1 Mac 2018 iaitu Thailand (RM3.98), Singapura(RM6.24), Vietnam(RM3.22) dan Filipina(RM3.48). Kaedah penetapan harga jualan runcit secara mingguan membolehkan pengguna menikmati harga runcit yang lebih stabil, di samping ia juga lebih mencerminkan harga sebenar petrol dan diesel di pasaran terbuka.

Berdasarkan trend kenaikan harga minyak mentah dunia pada masa ini, Kerajaan telah mengumumkan untuk mengenal pasti dan melaksanakan langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengurangkan impak kenaikan harga minyak mentah dunia, sekiranya harga jualan runcit produk RON95 dan diesel melebihi RM2.50 seliter secara berterusan selama tiga bulan. Langkah yang diambil akan memastikan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga minyak dunia dan kadar inflasi terkawal dalam jangka masa sederhana dan panjang. Di samping itu, Kerajaan juga masih memberi subsidi kepada sektor pengangkutan awam dan nelayan serta gas masak (LPG) untuk membendung *trend* kenaikan harga runcit petroleum yang ketara.

671

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)**

**SOALAN : 71**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini berkenaan perancangan projek untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan. Apakah sebab penangguhan permulaan kerja projek tersebut sedangkan ia telah dijanjikan pembinaannya pada Ogos 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sandakan, Sabah melibatkan kerja-kerja pemanjangan landasan dari 2,133m kepada 2,500m, pembinaan *Connecting Taxiway* baru, pelebaran dan rekonfigurasi kawasan memakir pesawat, menyediakan *Precision Approach Light* baru serta kerja-kerja berkaitan bagi operasi penerbangan yang selamat.

Projek ini telah menjalani Makmal Pengurusan Nilai pada 21-24 Mei 2017 dan Makmal Kejuruteraan Nilai pada 14-15 September 2017. Pada masa ini, projek ini masih dalam proses perolehan kontraktor dan dijangka selesai pada bulan Mac 2018. Seterusnya, kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan April 2018.